

Biofuel sawit manfaat kepakaran Jepun: PM

BH - 24/5/2006

Malaysia sedia bekerjasama dengan syarikat berminat laksana kajian

Mutazar Abd Ghani

di Tokyo, Jepun



adalah pada peringkat untuk meningkatkan mutu biodiesel kerana mereka sudah lama mulakan kajian ini. Pada mereka, ada harapan cerah untuk ditingkatkan lagi mutu bahan api itu.

“Kerajaan Jepun amat berminat dengan perkara ini. Oleh itu, saya minta kerjasama yang sudah dimulakan dengan beberapa syarikat di Malaysia, diteruskan. Saya nyatakan ini adalah dasar kita dan tentu kerajaan Malaysia memberikan sokongan.

“Kerjasama bukan lagi masalah kerana penyelidikan yang ada kaitan dengan minyak sawit di Malaysia sebenarnya cukup tinggi. Kita dah ada pengalaman dan ia hendaklah disesuaikan dengan yang dijalankan untuk kegunaan minyak sawit sebagai biofuel,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mendengar taklimat mengenai biofuel oleh Kement-

terian Ekonomi, Perdagangan dan Komersial (Meti) Jepun di Hotel Imperial, di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, industri biofuel mempunyai masa depan yang cerah di Malaysia kerana sawit adalah sumber yang boleh diperolehi dengan banyak, berkualiti tinggi, ma-

**“ Syarikat Malaysia
tiada masalah
untuk bekerjasama
dengan Jepun bagi
melakukan kajian
dalam biodiesel”**

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

pan dan mudah diperolehi.

Justeru, beliau berkata, penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu dijalankan dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti bahan api alternatif itu.

Sementara itu, mengenai pertemuan dengan Maharaja Akihito sebelum itu, Abdullah berkata, beliau menyatakan kepada Maharaja itu bahawa negara sudah bersedia menerima kunjungan Maharaja itu ke Malaysia, awal bulan depan.

Katanya, program sudah diatur untuk Akihito melawat beberapa tempat di Perak kerana dalam lawatan sebelum ini beliau tidak sempat melawat tempat yang sudah diatur untuk beliau di negeri itu.

“Saya juga memberitahu Akihito, tujuan kedatangan saya ke sini adalah untuk menghadiri Persidangan Nikkei ke-12, di samping menghadiri beberapa program lain,” katanya.

Malaysia akan menjalin kerjasama dengan Jepun bagi membangunkan industri biofuel berasaskan kelapa sawit sebagai bahan api alternatif.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata syarikat Jepun berada pada tahap lebih maju dalam bidang itu kerana mereka sudah lama terbabit dalam penyelidikan biodiesel.

Katanya, syarikat Malaysia tiada masalah untuk bekerjasama dengan Jepun bagi melakukan kajian dalam bidang itu, kerana syarikat tempatan mempunyai pengalaman dalam penyelidikan minyak sawit.

“Di Jepun, penyelidikan mereka